

WKB hapus kegagalan DEB, Wawasan 2020

BH - 8/10/2019 mb:2

Rakyat diminta sanggup terima dasar, bukan dapat kekayaan segera: PM

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Mohd Iskandar Ibrahim dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Segala kesalahan dahulu yang mendorong kepada kegagalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Wawasan 2020, akan dihapuskan dengan pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menerusi dasar baharu itu, kata Perdana Menteri, kerajaan akan memastikan mereka yang mendapat peluang berupaya menggunakannya dengan sepenuhnya.

Dr Mahathir yang hadir pada hari pertama mesyuarat ketiga, penggal kedua Parlimen ke-14 di Dewan Rakyat semalam, berkata kerajaan hanya meminta kesanggupan rakyat menerima dasar berkenaan, bukan lagi mendapat kekayaan mudah dengan segera.

"Kita hanya minta kesanggupan rakyat menerima dasar ini dan bukan lagi mendapat kekayaan mudah dengan segera, sebaliknya kekayaan lebih mapan sepanjang masa," katanya pada sesi soal jawab.

Beliau menjawab soalan tam-

bahan Nik Nazmi Nik Ahmad (PH-Setiawangsa) mengenai bagaimana pendekatan WKB 2030 dapat mengatasi kekurangan yang ada dalam dasar terdahulu seperti pembolotan harta, salah guna dan kerosakan terhadap institusi Bumiputera.

"Peluang akan diberikan kepada Bumiputera yang membuktikan kelayakan dan kemampuan mereka. Bagi yang masih belum layak dan belum mampu pula, bantuan, latihan serta sokongan sewajarnya akan diberi bagi meningkatkan peluang kejayaan mereka," katanya.

Beliau berkata, kerajaan berhasrat melahirkan generasi baharu Bumiputera yang berpegang teguh kepada nilai moral integriti, rajin berusaha dan bermaruah serta bersemangat kental nasionalis yang ingin menyelamatkan negara serta tidak bergantung kepada orang asing.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) mengenai perancangan kerajaan dalam menyelesaikan masalah kemiskinan, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengguna pakai Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) untuk mengukur dan memantau kadar kemiskinan dalam perspektif pelbagai dimensi di negara ini.

Katanya, Malaysia sebenarnya hampir dapat menghapuskan kemiskinan jika dikira berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang digunakan sebelum ini, namun keadaan pada masa ini sudah berubah.

"Sekarang, kita dapati bukan

saja pendapatan yang menentukan (tahap) kemiskinan seseorang, tetapi (turut merangkumi) segala layanan, kemudahan dan bantuan yang diberikan kepada mereka.


"Kita bercadang mengurangkan kemiskinan, maka kita perlu tentukan keupayaan mereka memperoleh pendapatan yang cukup untuk membeli tiga perkara, iaitu makanan, pakaian dan bumbung di atas kepala mereka (kediaman). Ini akan tentukan satu kelompok itu miskin atau tidak.

"Ini akan termasuk dalam perkiraan asas baharu, iaitu yang dikatakan sebagai MPI. Ini akan digunakan sekarang dan akan tunjukkan taraf kemiskinan dalam masyarakat kita," katanya.

Kepada soalan asal Anwar, beliau berkata, kadar kemiskinan rasmi di Malaysia dikira berdasarkan cerapan data Tinjauan Pendapatan Isi Rumah (HIS) mengikut piawaian amalan antarabangsa diselenggara Bahagian Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Perangkaan kemiskinan daripada HIS masih relevan dan boleh dipercayai pada peringkat penilaian makro, namun pada peringkat yang lebih mikro seperti negeri atau daerah, perangkaan HIS perlu diguna secara berhati-hati.

"Ini kerana ia tidak menggambarkan corak penggunaan, keperluan serta demografi sebenar isi rumah berikutan ralat persampelan yang tidak boleh dielakkan. Menyedari hakikat ini, kerajaan sebenarnya sudah mulakan kajian semula PGK sejak Mac 2019.



Dr Mahathir pada sesi soal jawab Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)

"Kajian ini sedang giat dijalankan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesihatan serta jabatan dan agensi berkaitan. Saya juga sudah arahkan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi meneliti laporan Pelapor Khas PBB itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, yang lebih penting adalah usaha pembasmian kemiskinan secara berterusan dan efektif seperti mengemaskini dan menambah baik sistem e-Kasih yang menjadi pangkalan data kemiskinan nasional.

"Sistem e-Kasih akan turut mengambil kira bilangan ahli dan keperluan isi rumah supaya pemberian bantuan menepati keperluan dan kumpulan sasar. Mekanisme pengumpulan data dan formulasi strategi juga akan ditambah baik dengan memanfaatkan perkembangan teknologi terkini," katanya.

Katanya, strategi utama kerajaan dalam membasmi kemiskinan adalah melalui usaha me-

ingkatkan pendapatan dan kuasa beli, terutama isi rumah miskin dan berpendapatan rendah termasuk menyalur bantuan seperti Bantuan Sara Hidup, kemudahan pemilikan perumahan serta akses kepada pendidikan dan rawatan kesihatan berkualiti.

Menjawab soalan tambahan Ahmad Fadhli Shaari (PAS-Pasir Mas) sama ada MPI akan mengambil kira demografi bandar dan luar bandar, terutama generasi muda yang berdepan masalah pengangguran, beliau berkata, matlamat kerajaan adalah mengurangkan perbezaan di antara bandar dan luar bandar.

Kepada soalan tambahan Fahmi Fadzil (PH-Lembah Pantai) mengenai bagaimana Belanjawan 2020 akan membantu kerajaan membasmi kemiskinan, Dr Mahathir berkata, beliau yakin agihan peruntukan akan lebih tertumpu kepada negeri yang kadar kemiskinannya ketara.